

## Struktur Famili dan Tingkahlaku Kekeluargaan Di Selemak: Stau Kajian Kes. Abu Hassan Othman. Akademika 1 (1972)

### ABSTRAK

Makalah ini merupakan satu pemerihalan mengenai struktur famili dan tingkahlaku kekeluargaan yang terdapat dalam sebuah komuniti tani Melayu di Selemak, Negeri Nembilan.

Selemak adalah sebuah komuniti tani kecil, mengandungi rumahtangga-rumahtangga jenis matrilineal dan matrilocal. Di antara sebuah rumahtangga dengan sebuah yang lain tidak jelas kelihatan sempadan sosial dan fizikalnya. Kampung dan famili adalah merupakan unit-unit sosial yang utama. Selain daripada menjadi anggota kelumpuk kampung atau famili, kedudukan individu dalam jalinan hubungan timbalbalik dalam kehidupan sosial komuniti adalah juga ditentukan oleh faktur-faktur seperti jantina dan umur, kekeluargaan, pekerjaan dan kekayaan dan sedikit-sedikit oleh kealiman dan pelajaran. Famili adalah juga merupakan unit sosial, ekonomi, politik dan agama dalam masyarakat. Dalam bentuk asasnya unit famili mengandungi anggota-anggota yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak yang belum berkahwin sama ada anak-anak itu merupakan anak kandungan atau pun anak ambilan. Di Selemak famili adalah berbentuk monogami. Terdapat rumahtangga yang didiami oleh unit famili asas sahaja dan juga rumahtangga yang didiami oleh beberapa buah famili. Biasanya famili luasan itu mengandungi anggota-anggota yang terdiri dari tiga atau empat generasi keturunan. Hubungan sosial di antara mereka terjalin melalui perkahwinan atau pun melalui ikatan darah. Di kalangan anggota-anggota dalam famili bukan sahaja terdapat hubungan kekeluargaan yang karib tetapi juga hak, tugas dan tanggungjawab timbal-balik yang meluas.

Hubungan di antara suami dan isteri oleh kerana terlalu biasa kerap dianggap tidak penting. Pada prinsipnya isteri dijangkakan mematuhi apa-apa sahaja yang difikirkan baik oleh suaminya mengenai hal ehwal famili. Ia tidak akan membuat apa-apa keputusan terhadap sebarang perkara yang dilakukannya dengan individu-individu lain termasuk kaum keluarga sendiri. Dalam praktik hidup sehari-hari seorang suami itu akan didapati berbincang terlebih dahulu dengan isterinya mengenai sebarang tindakan yang hendak dilakukannya. Hubungan di antara ayah ibu dengan anak-anak adalah berasaskan kepada norma kehormatan dan ketaatan. Anak-anak dijangkakan menghormati dan mentaati serta mematuhi kata-kata ayah ibu. Adalah dianggap tidak sopan dan kurang budi jika terdapat kanak-kanak membantah kata-kata ayah ibu. Jika ada yang melakukan demikian kanak-kanak tersebut akan dikenakan hukuman. Walau bagaimana pun kedua-dua ayah ibu mempunyai tanggungjawab yang penuh untuk mengasuh dan mendidik anak-anak mereka. Ianya termasuklah didikan mengenai tingkahlaku yang sopan seperti menghormati orang tua. Ketaatan diutamakan; menjawab bila-bila ditanya dan apabila berjalan dihadapan orang tua tanpa meminta izin tidak disukai. Seorang kanak-kanak itu seharusnya berdiam apabila orang tua sedang bercakap.

Hubungan diantara adik-beradik adalah juga dikawal oleh norma kehormatan dan ketaatan. Abang dan kakak dijangkakan dapat mengawal dan melindungi adik-adik mereka, terutamanya jika ayah ibu mereka telah mati atau pun tidak berupaya disebabkan oleh sakit atau kemalangan. Sebaliknya adik-adik pula dijangkakan memberikan kehormatan dan ketaatan kepada abang atau kakak. Kanak-kanak senantiasa diingarkan oleh folongan yang lebih tua akan tanggungjawab

mereka diantara datu dengan yang lain dan juga terhadap ayah ibu mereka.

Akhirnya di dalam jalinan hubungan sosial dan interaksi didalam famili ini rol datuk nenek tidak harus diperkecilkan. Intimasi dan persahabatan adalah ciri hubungan yang muncul di antara datuk nenek dengan cucu dan cicit mereka. Dalam komuniti ini datuk nenek biasanya dianggap sebagai golongan yang sangat memanjakan cucu dan cicit dan tindakan ini sering dianggap sebagai merosakkan kanak-kanak. Walau bagaimana pun kanak-kanak sering menganggap datuk nenek sebagai golongan yang bertimbang rasa, oleh itu mereka sering bergurau senda dengan datuk nenek. Sebaliknya mereka tidak mungkin atau jarang-jarang sekali berbuat demikian dengan ayah ibu mereka.

## ***ABSTRACT***

*In this paper, an attempt is made to describe family structure and kinship behavior as seen in a Malay peasant community of Selemak, Negeri Sembilan.*

*Selemak is a small peasant community, composed of distinct matrilineal and matrilocal households with no definite physical and social boundaries between each household. Village and family are the main social units. However, apart from being a member of the village group of the family, a person's position in the network of interpersonal relation in the social life of the community is mainly determined by the obvious factors such as sex and age, kinship, accupation and wealth and the a lesser degree by piety and learning. The family is the basic social, economic, political, and religious unit of society. In its elementary form, this unit is composed of the father, the mother, and their unmarried children either naturally born to them or adopted by them. In Selemak the family is monogamous. Apart from the elementary family living in a common household there are a number of families living in one household usually consisting of three or four generations. They are kins and their social relations are established either through marriage or blood ties.*

*It can be seen that among members of the family there is an intimate and intense kinship relations with a strong framework of reciprocal rights and duties. The relations between husband and wife are common place that it is often taken for granted. As a rule the wife is expected to follow what her husband thinks right for the family. She does not decide on any matter having to do with transactions with other members including their immediate kin, but in practical life, the husband most of the times discusses or informs the wife of whatever commitments he has made. On the other hand the relationship between parents and children are based on the norms of respect for the elders. Children are expected to respect and follow what their parents say. It is considered disrespectful to argue against one's parents and the child will be punished for doing so. However both the mother and the father are responsible for the socialization of their child. This includes their instruction on proper behaviour such as respect for the elders. Obedience is stressed; answering back when reprimanded and passing in front of people without asking permission are not tolerated. A child should keep silent when adults are conversing.*

*It can also be seen that the relationship between siblings is characterised by mutual respect and obedience. Older siblings are expected to take care of the younger ones in case of parental death or incapacity due to accident or illness. In turn the younger siblings are expected to respect their elders and obey them. Children are constantly reminded about their responsibilities*

*to each other and to their parents by those who are older.*

*Finally in the network of social relationships and interactions in the family the role of grandparents cannot be taken for granted. Intimacy and friendship characterize the relationship between grandparents and grandchildten. It is known in the community that grandparents have a tendency to spoil their granchildren. Children often regard grandparents as understanding and as such they can likewise joke with their grandparents while they cannot (seldom if ever) do with their parents.*

---